

Istiadat 'Tabal Jin' akhiri acara Pertabalan Sultan

30 OCT 1963 KUALA KANGSAR, Thalatha.

ISTIADAT "Tabal Jin" telah di-adakan malam tadi di-Istana Iskandariah di-sini sa-bagai menandakan berakhir-nya majlis pertabalan Sultan dan Raja Perempuan.

Istiadat itu telah di-saksikan oleh kira2 400 orang tetamu termasuk kerabat2 di-raja dan orang2 besar.

Tembakan meriam 21 das di-lepaskan pada permulaan istiadat itu pada jam 9.30 yang berakhir pada waktu tengah malam.

Bersiram

Baginda dan Raja Perempuan yang berpakaian bersiram masuk kadewan singgahsana lalu duduk menghadapi "Perkakas Kerajaan."

Upachara "Tabal Jin" itu di-lakukan oleh Raja Chik Muda Pawang di-Raja, Raja Ali bin Kulop Mohamad dan penolong Pawang di-Raja, Tengku Adlan Adil.

Baginda berdua kemudiannya telah menuju ka-Pancha Persada untok istiadat bersiram di-pekarangan istana.

Turut sama ia-lah puteri baginda dalam istiadat bersiram itu.